

BERITA HOMEOPATHY

Jilid 13. Bil (2) Mac-April, 2002

ISSN 1511-984X



9 771511 984004

**Konvokasyon BHMS/
DHMS/Mesyuarat Agung ke 39
Sabtu - Ahad
24 - 25 Ogos 2002
Hotel City Villa,
Kuala Lumpur**

فراؤباتن هو ميون وائيه حيسين
**PERUBATAN
HOMEOPATHY HASAN**
Lot 2.08 Kompleks P.K.N.S.
Persiaran Pusat Bandar
43650 Bandar Baru Bangi
Tel: 03-89267831
e-mail: hbsalleh@tm.net.my

RENUNGANLAH AMANAT PERDANA MENTERI Pendidikan: tingkatkan penguasaan ilmu

Oleh: Wartawan Malaysia

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak segenap lapisan rakyat terutama orang Melayu, agar meningkatkan penguasaan ilmu untuk berdepan dengan berbagai cabaran baru dalam dunia moden.

Perdana Menteri menegaskan, orang Melayu tanpa ilmu, rakyat sesebuah negara itu bukan sahaja akan ketinggalan bahkan akan dihina dan ditindas dengan kejam dan inilah sedang berlaku sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyarankan, hanya ilmu akan dapat memungkinkannya rakyat Malaysia untuk memelihara dan mengekalkan kebebasan dan maruah negara.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan sikap orang Melayu yang meminggirkan ilmu berbanding kaum-kaum lain dengan beranggapan ilmu-ilmu tersebut adalah sekular.

"Jika orang Melayu tidak mahu mengejar ilmu, negara terpaksa bergantung kepada bukan Melayu," tegasnya.

Jika ini terjadi, seharusnya kita menyalahkan diri sendiri kerana menjadi kaum yang mundur di negara sendiri.

Ketika berucap menyampaikan perutusan tahun baru 2002 melalui RTM, Dr. Mahathir berkata, segala kemudahan khususnya kepada Bumiputra Melayu telah diberikan sepenuhnya. Keistimewaan dan terutama bidang pendidikan dan meningkatkan keilmuan.

Sayangnya anak-anak Melayu mensia-sia dan mengabaikan kemudahan yang diberikan. Perdana Menteri berkata; dalam memelihara kebebasan negara maju, rakyat berpengetahuan adalah mustahak dan diperlukan. Jika orang Melayu tidak mahu mengejar ilmu, negara terpaksa bergantung kepada kepakaran bukan Melayu.

Mengulas saranan Dr. Mahathir itu, Presiden Persatuan Perubatan Homeopathy Malaysia (PPHM), Dr. (H) Haji Abdul Rahman Haji Hashim menyokong

dan menegaskan, bahawa selama ini beliau telah lama menyeru dan menggalakan ahli PPHM agar merebut peluang belajar dan berusaha mempertingkatkan ilmu.

Menurut Dr (H) Haji Abdul Rahman, PPHM sejak 1995 telah memulakan usaha peningkatan ilmu, mengadakan kuliah-kuliah untuk diploma (DHMS) secara tersusun dan seterusnya mengadakan kerjasama dengan Fakultas Kedokteran, Universiti Sumatera Utara (USU) bagi mengadakan kuliah untuk ijazah BHMS.



Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad



Presiden PPHH. Dr. (H) Haji Abdul Rahman Hashim


Setakat ini (2001) seramai 25 orang telah dianugerahkan ijazah BHMS kerjasama Majlis Akademi Homeopathy Malaysia (MAHM) dan Fakultas Kedokteran USU, sementara yang baru lulus sepanjang tahun

2001 seramai 25 orang, bakal disampaikan ijazahnya pada 25 Ogos 2002.

Dr. (H) Haji Abdul Rahman memberitahu, pihak PPHM/MAHM telah mengadakan rundingan peringkat kedua dengan Fakultas Kedokteran USU, untuk mengadakan kuliah lanjutan MSCh, bakal dimulakan awal Mei 2002.

"Mereka yang telah memiliki ijazah BHMS, baik dari dalam negeri atau luar negara (yang

Lihat muka 8



پوسٲٲ هو ميون سينا

PUSAT HOMEOPATY IBNU SINA HOMEOPATHIC CENTRE
KT-O 138046-P
Rawatan Alternatif, Farnasi, Pendidikan, Penyelidikan, Pengimport, Pembuat, Pembekal & Pengedar Ubat-ubatan, Kaunseling.

JURURUNDING HOMEOPATHY

- Dr (H) Hajah Noor Aeni Abdul Razak PHom
- Dr (H) Mat Yusof Che Man PHom
- Dr (H) Tuan Ali Tuan Muda BHMS PHom
- Dr (H) Kamal Shah Zawawi PHom
- Dr (H) Rosnani Mat PHom

Lot 4393-B, Lorong Dusuah Raja 4A/27, Sri Cemerlang, 15400 Kota Bharu, Kelantan Darulhaim. Tel & Fax: 609-7432 571